

03/02/2002

Air: Singapura nafi enggan bayar harga berpatutan

SINGAPURA: Singapura menafikan pihaknya menangguk rundingan atau enggan membayar harga berpatutan bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia.

Jurucakap Kementerian Luar berkata, republik itu menunggu Malaysia menjelaskan beberapa perkara utama bagi membolehkan pegawai kedua-dua pihak menyambung rundingan bagi menyelesaikan perkara itu.

Jurucakap itu menyifatkan sebagai 'mengelirukan' perbandingan antara harga air yang dibeli oleh Hong Kong dari China dan harga yang dibayar oleh Singapura bagi air yang dibekalkan oleh Johor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata rundingan mengenai pakej isu-isu dua hala yang tertangguh dengan Singapura menemui kebuntuan kerana kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia sejak 1960-an.

Dr Mahathir berkata Malaysia meminta harga yang berpatutan dan mahu isu itu diselesaikan segera kerana lagi lama ia ditangguhkan, lagi banyak kerugian ditanggung Malaysia.

Singapura kini mengimport 350 juta gelen air mentah dari Johor pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen di bawah dua perjanjian yang tamat tempohnya pada 2011 dan 2061.

Jurucakap Kementerian itu berkata Malaysia pada 21 Februari tahun lalu telah menawarkan harga 60 sen bagi 1,000 gelen dan kadar itu dikaji setiap lima tahun.

"Singapura dengan 60 sen, diubah suai dengan kadar inflasi setiap lima tahun sebagai harga air mentah melewati perjanjian sekarang. Sebagai sebahagian daripada pakej keseluruhan, kami juga menawarkan, walaupun tidak terikat untuk berbuat demikian, untuk membayar 45 sen bagi 1,000 gelen air yang diterima mengikut perjanjian sekarang," kata jurucakap itu.

Jurucakap itu menyebut harga baru harus dilihat dalam konteks pakej keseluruhan yang juga meliputi pembayaran yang akan diterima oleh Malaysia bagi tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Singapura.

"Jumlah pembayaran yang diterima oleh Malaysia apabila perkara lain dimasukkan dalam pakej ialah melebihi RM1.5 bilion," kata jurucakap itu.

Pakej isu-isu yang dipersetujui Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong pada lewat 1998 meliputi perjanjian baru air bagi republik itu, penempatan pusat pemeriksaan kastam Malaysia di stesen kereta api di sini, pembangunan tanah milik KTMB di sini, pengeluaran caruman pencen bagi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

Mengenai perbandingan yang dibuat oleh Dr Mahathir bahawa Hong Kong membayar RM8 bagi 1,000 gelen air mentah dari China, jurucakap itu berkata Malaysia tidak menanggung kos infrastruktur, operasi dan penyelenggaraan bagi membekalkan air.

"Selama ini, Singapura menyerap kos pembinaan infrastruktur di Johor bagi membekalkan air seperti empangan, saluran paip, loji dan peralatan. Kami juga menanggung kos operasi," kata jurucakap itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia bukan meminta RM8 tetapi meminta harga yang berpatutan kerana harga sekarang terlalu rendah. - Bernama

(END)